



**BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 3 (28)
Tarikh : 6 Januari 2022

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN


Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam Gred G2 dalam kategori pengkhususan B04, B24 dan CE21, dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam kod bidang membersih kawasan (221002) yang masih sah, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :

- BP 03/2022 : Kerja-Kerja Pembaikan, Penyelenggaraan Kecil Dan Pembersihan Secara Berpusat Untuk Tempoh Satu (1) Tahun Di PPR Bersepadu Senawang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan
- BP 04/2022 : Kerja-Kerja Pembaikan, Penyelenggaraan Kecil Dan Pembersihan Secara Berpusat Untuk Tempoh Satu (1) Tahun Di Rumah Pangsa Senawang 1, Daerah Seremban, Negeri Sembilan

2. Kontraktor - kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut dimaklumkan bahawa tiada taklimat dan lawatan tapak. Walaubagaimanapun kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan tapak sendiri ke tapak berkaitan dengan mengamalkan amalan penjarakkan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask*. (**SOP KKM**) sebelum mengemukakan tawaran harga dengan lebih tepat.
3. Kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga ini hendaklah membuat pendaftaran secara online melalui 'Google Form' dimana pautan link akan dimuat turun di dalam **Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan** (www.ns.gov.my) pada **19 Januari 2022 (Rabu) bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja**.
4. Borang sebutharga akan mula dijual pada **20 Januari 2022 (Khamis) sehingga 27 Januari 2022 (Khamis)**. Pembelian borang selepas tarikh tersebut **tidak akan dilayan**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. **Hanya kontraktor yang telah mendaftar melalui 'Google Form' dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja yang dibenarkan membeli borang. Pendaftaran sebelum atau selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan diterima.** Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.30 petang – 4.00 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.30 petang – 4.00 petang

5. Sebutharga akan ditutup pada **27 Januari 2022 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
6. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / ~~WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAH BANK~~** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(ROSLINA BINTI ROSLI)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perumahan